

**Klang**

## APMM lancar 1,253 operasi

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor melakukan 63 tangkapan daripada 1,253 operasi membabitkan nilai rampasan RM1.2 juta atas pelbagai kesalahan dari Januari hingga 16 Ogos lalu.

Kesalahan itu membabitkan penyeludupan rokok, pendatang asing tanpa izin (PATI), pencerobohan zon larangan menangkap ikan, menggaji warga asing tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan serta kesalahan mengikut Akta Ordinan Perdagangan Perkapalan.

Pengarah Cawangan Siasatan Jenayah Maritim Laksamana Pertama Maritim Ibrahim Mohamed berkata, selain kejayaan itu, APMM Daerah Empat Selangor juga berjaya menahan 268 PATI dari pelbagai negara yang masuk dan keluar menggunakan laluan laut yang tidak diwartakan.

Katanya, perairan di Selangor di sekitar kawasan

utara dan selatan seperti di Tanjung Karang, Sekinchan, Tanjung Sepat, Pelabuhan Utara, Klang sering menjadi lokasi kegiatan haram terutama pemerdagangan manusia dan juga penyeludupan barangan.

“Kebanyakan saluran maklumat dalam operasi tangkapan dan pemeriksaan ini datang daripada pelbagai pihak terutama nelayan yang selama ini memberikan kerjasama yang baik dengan APMM.

“Oleh itu, nelayan diharap terus menjadi mata dan telinga APMM untuk memastikan kegiatan jenayah di perairan negara bebas daripada ancaman yang boleh menggugat keselamatan negara dan masyarakat persekitaran termasuk nelayan sendiri,” katanya ditemui selepas merasmikan Program Sahabat Maritim di Pengkalan Nelayan Jalan Genting Rantau Panjang, di sini semalam.